



KONSERVASI  
Oleh Jasrai Abdul (Foto Penulis)

# Burung Tahu Pembantu Manusia

Burung tahu atau common koel sejenis burung liar yang mudah ditemukan di kawasan kampung, taman bunga dan kawasan bandar di Malaysia. Burung ini dikenali dengan nama ini kerana mengeluarkan bunyi "tahu... tahu... tahu... tahu..." yang berulang-ulang.

Biasanya, bunyi yang kuat dan nyaring ini dikeluarkan oleh burung tahu jantan dan pada awal pagi. Warna keseluruhan bulu burung tahu jantan hitam pekat, seperti warna burung gagak hutan. Warna bulu burung tahu betina pula coklat kelabu dengan bintik putih pada bulu kepaknya.

Oleh sebab warna bulu burung tahu hitam pekat dan bentuk badannya agak besar, kadangkala burung tahu ini disangka sebagai burung gagak rumah. Bezanya, tubuh burung ini lebih kecil dan panjang serta ekornya

panjang. Tidak seperti burung gagak yang suka hidup secara berkumpulan, burung tahu suka bersendirian atau berpasangan.

Cara terbang burung tahu berbeza daripada burung gagak. Burung tahu terbang dengan lajunya dan mendarat sebelum hinggap pada dahan pokok. Mata burung tahu berwarna merah, manakala anak matanya berwarna hitam. Paruh burung tahu berwarna putih kelabu, berbeza daripada paruh burung gagak rumah yang berwarna hitam.



gah Sungai Lalang,  
Selangor


atu

sh

yang  
ni  
ngni

s usaha  
Negeri  
gi  
ra  
nologi  
bera  
amulian  
uti, biji  
i untuk  
n botani

ta apabila  
status  
simpan  
niliti  
akan  
aya  
al  
targ, □



Control no : 0000274689  
File NO : ANI2015401.pdf

Animal - General  
Pg = 29-31

u bukan berasal dari  
ies ini dibawa masuk oleh  
is pada awal kurun ke-20  
iskan telur gagak rumah  
dengan sangat banyak,  
kawasan bandar.  
rasal dari benua India,  
epal dan Pakistan.  
ah pula dibawa  
a oleh penjajah bagi  
serangga yang  
kopi. Bunyi burung  
n kuat biasa didengari  
kawasan bandar, taman  
an negara di India,  
Negara Jaldapara di  
t, India, atau Taman  
n, Nepal.  
spesies ini membiak  
nya di Malaysia. Burung  
yebabkan banyak  
a manusia. Hanya gagak  
nyebabkan kekacauan  
kepada manusia. Hal ini  
kian kerana gagak rumah  
awasan perumahan  
n najis serta bunyi bising  
ggu kehidupan manusia

Burung tahu dapat ditemukan di kawasan kampung, ladang getah, kawasan perumahan dan taman bunga. Spesies ini tidak dapat ditemukan di kawasan hutan rimba. Biasanya, habitat burung ini berhampiran dengan petempatan manusia. Kawasan bandar yang mempunyai taman bunga amat digemari oleh burung tahu.

Pada peringkat awal, burung ini dipelihara di kawasan bandar oleh penjajah Inggeris untuk menghapuskan burung gagak rumah yang mula mengganggu kehidupan manusia. Burung tahu membiak pada sepanjang tahun. Namun begitu, burung tahu diketahui sebagai burung yang agak malas membina sarang dan bertelur di sarang burung gagak rumah. Jika telur burung gagak rumah ada di dalam sarangnya, burung tahu membuang telur burung gagak rumah dari sarangnya dan bertelur di atas sarang burung gagak rumah itu.

Sarang burung gagak rumah dibina daripada ranting kayu yang disusun rapi. Sebanyak dua biji telur yang berwarna putih dihasilkan oleh burung tahu. Telur ini dieramkan oleh burung tahu betina



Burung tahu jantan berwarna hitam pekat.



berwarna putih kuning.

lebih kurang tiga minggu sebelum menetas. Anak yang masih kecil dijaga dan diberi makanan oleh ibunya. Dengan cara ini, populasi burung gagak rumah berkurangan.

Burung gagak rumah berkumpul secara berkumpulan dalam bilangan yang besar di sebuah pokok yang hampir dengan bandar dan membuang najisnya di merata-rata tempat sehingga mengotorkan kawasan perumahan dan kenderaan yang diletakkan berhampirannya. Burung tahu pula suka menyendiri atau berpasangan dan tidak mengganggu kehidupan atau ketenteraman manusia. Burung tahu dianggap sebagai burung pembantu manusia.

Makanan burung tahu terdiri daripada buah dan serangga, selain telur spesies burung lain, terdapatnya

telur burung gagak. Buah yang manis, seperti buah ceri, ara nasi dan betik yang masak di pokok amat digemari oleh burung tahu. Burung tahu terbang pada awal pagi untuk mencari serangga atau buah yang masak untuk dimakan. Tidak seperti burung gagak yang gemar makan bangkai haiwan, burung tahu hanya makan buah dan serangga tertentu, seperti ulat belucang, ulat pisang, belalang, mentadak mentadu dan kupu-kupu.

Anak burung tahu terbang dan keluar dari sarang setelah berada lebih kurang dua minggu di dalam sarang. Setelah dewasa, anak burung tahu membentuk kawasan keliarannya sendiri. Burung ini jarang-jarang dilihat terbang dalam kumpulan yang melebihi dua ekor.

Spesies ini lebih gemar bersendirian atau berpasangan ketika mencari

makanan. Burung gagak rumah dan burung perling amat gemar membentuk kumpulan yang besar apabila hendak tidur. Najis dan bunyi bising daripada burung ini mengganggu kehidupan manusia. Burung tahu tidak mempunyai banyak musuh. Pemburu burung tidak berminat untuk menangkap atau memelihara spesies ini kerana tidak mempunyai nilai komersial. Burung ini dianggap sama seperti burung gagak rumah. Oleh sebab burung tahu mencuri dan memakan telur burung liar lain yang ada di sarang, burung ini amat tidak disukai oleh burung lain.

Spesies ini kerap dilihat dikejar oleh burung lain, seperti burung dendang selayang, kerana dikatakan cuba memakan telur burung itu yang berada di dalam sarang. Angin kencang atau ribut pula boleh menyebabkan telur

atau anak burung tahu yang berada di sarang terhumban dan jatuh ke tanah.

Seperti burung gagak rumah, burung tahu tidak dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010. Hal ini dikatakan demikian kerana populasi burung ini agak stabil dan tiada nilai komersial. Walau bagaimanapun, spesies ini yang sentiasa berbunyi pada waktu pagi dapat menceriakan suasana sunyi di kawasan kampung atau taman perumahan.

Selain itu, burung tahu bermanfaat bagi menghapuskan telur burung gagak rumah yang berada di dalam sarangnya. Hal ini penting supaya populasi burung gagak rumah, yang dianggap sebagai burung yang pengotor, dapat dikurangkan. □